

INSTITUSI RAJA DI TANAH MELAYU

Prof Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob

Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya

monir@uim.edu.my/abdul.monir@gmail.com

ABSTRAK

Menjelaskan secara ringkas maksud perkataan Malik, raja dan khalifah dan seterusnya kedudukan Raja sebagai ketua pemerintah dari perspektif Islam dan Raja dalam sejarah peradaban manusia. Tuntutan ketaatan kepada pemimpin.

Institusi raja telah membentuk satu sistem pemerintahan yang kukuh dalam sejarah tamadun manusia. Kedudukan institusi raja bertunjang kepada rakyat yang mendaulatkan raja mereka. Bermula dengan Kesultanan Melayu Melaka sebagai kuasa pemerintahan yang meletakkan Raja memerintah dan mentadbir kerajaan. Kesenambungan dari sistem ini telah menubuhkan beberapa negeri di Tanah Melayu yang diperintah oleh Raja-raja Melayu. Negeri-negeri Melayu akhirnya telah dikuasai oleh barat bermula dengan Portugis kemudian Belanda dan seterusnya Inggeris. Di atas kelicikan pihak Inggeris yang mengambil kesempatan dengan suasana yang berlaku di beberapa negeri Melayu akhirnya Inggeris berjaya mempengaruhi sultan-sultan menandatangani perjanjian-perjanjian bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874. Dalam artikel ini menjelaskan bagaimana pihak Inggeris memperolehi kuasa dalam mentadbir negeri-negeri Melayu. Begitu juga pentingnya unsur kesetiaan rakyat yang memainkan peranan dalam memartabatkan kedudukan orang Melayu dan peranan raja-raja Melayu dalam menjaga kepentingan Islam dan adat.

Pendahuluan

Perkataan 'Raja' dan 'kerajaan' dalam Bahasa Arab adalah 'al malik' dan 'al mulk'. Apabila diteliti perkataan-perkataan tersebut dalam al Quran, terdapat beberapa ayat yang menyebut perkataan 'al malik' dan 'al mulk' dan ini memberi erti bahawa Institusi 'Raja' telah lama wujud dalam peradaban manusia.

Sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 43,

وَقَالَ الْمَلِكُ

Bermaksud: dan (pada suatu hari) Raja Mesir berkata;

Perkataan 'al mulk' diulang beberapa kali dalam surah Yusuf yang mengisahkan tentang pemerintahan Raja di zaman nabi Yusuf. Di mana nabi Yusuf memperkenalkan dirinya sebagai seorang yang bersifat 'hafiz' dan 'alim' (iaitu menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirkannya)¹

¹ Tafsir Pimpinan Al-Rahman, Darul Fikir, Kuala Lumpur, h. 557

Firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 246,

ابْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Bermaksud: Lantiklah seorang Raja untuk kamu, supaya boleh kami berperang (bersama-sama dengannya) pada jalan Allah.

Pada ayat 247, Allah berfirman;

إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا

Bermaksud: Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi Raja bagi kamu

Dalam surah al Kahfi ayat 79, Allah telah berfirman;

وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِيهَةٍ غَصْبًا

Bermaksud: kerana di belakang mereka nanti ada seorang Raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat

Di antara ayat di atas menjelaskan seorang Raja itu dilantik oleh pihak yang berkuasa bagi memerintah. Bahkan Allah memberi kuasa pemerintahan kepada seseorang yang dikehendaknya. Dalam Islam punca pemerintah dan kerajaan adalah dari Allah SWT. Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 189,

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Bermaksud: Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi.

Dalam ayat 26 Allah SWT berfirman,

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki.

Dalam hubungan ini al-Quran ada menceritakan berbagai orang-orang yang telah diberi kuasa pemerintahan/kerajaan termasuk dari kalangan nabi-nabi. Di antaranya seperti dalam firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 102;

عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ

Bermaksud: dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman.

Pemerintah kerajaan Nabi Sulaiman sangat luar biasa. Ke atas baginda Allah kurniakan kuasa (mukjizat) seperti boleh menguasai angin, memahami bahasa semut dan berbicara dengan burung. Pemerintahannya meliputi ke atas manusia dan jin. Tidak ada pemerintahan di dunia yang diberi kelebihan sedemikian. Firman Allah SWT dalam surah al Namal ayat 17;

وَحُسْبِرَ لِسُلَيْمَانَ جُنُودُهُ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ وَالطَّيْرِ

Bermaksud: Dan dihimpunkan bagi Nabi Sulaiman bala tenteranya, dari jin dan manusia serta burung.

Dalam era pemerintahan baginda terdapat sebuah kerajaan yang diperintah oleh seorang raja perempuan. Iaitu kerajaan Saba'. Ini dijelaskan oleh al-Quran dalam surah al Naml ayat 23,

إِنِّي وَجَدْتُ امْرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ

Bermaksud: Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar.

Daripada huraian di atas menunjukkan ada di antara nabi yang diberi kuasa pemerintah dan ada yang diberi tugas dalam pentadbiran negara. Nabi-nabi yang diberi kuasa pemerintahan tidak pula digelar 'Raja'. Bagaimanapun gelaran 'Raja' kepada ketua pemerintah telah pun digunakan seperti dalam sejarah nabi Yusuf.

Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi dan rasul terakhir. Baginda memerintah negara Madinah berpusat di Kota Madinah. Apabila baginda wafat lahir pula pengganti baginda dan dikenali dengan gelaran 'khalifah'. Perkataan 'khalifah' diulangi beberapa kali di dalam al Quran seperti dalam surah al Aaraf ayat 142;

وَقَالَ مُوسَى لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي

Bermaksud: Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): "Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku.

Dalam surah al Baqarah ayat 30 Allah berfirman,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"

Dalam surah Saad ayat 26 Allah berfirman,

يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ

Bermaksud: Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi

Firman Allah dalam surah al An'am ayat 165,

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ

Bermaksud: Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi.

Dari ayat-ayat tersebut di atas ternyata bahawa jawatan khalifah itu bukan suatu yang baru dalam tamadun Islam. Cuma bagi kita menggambarkan jawatan khalifah itu digunakan secara menyeluruh setelah pemerintahan baginda Rasulullah saw diganti oleh khalifah Sayidinna Abu Bakar a.s.

Bagaimanapun nampaknya gelaran pertama khalifah diberikan kepada nabi Adam a.s bahkan bagi beberapa orang nabi ada khalifah atau pengganti semasa ketiadaannya.

Dalam konteks ini perkataan khalifah memberi dua pengertian. Pertama, sebagai ‘pengganti semasa ketiadaan ketua’. Seperti dalam maksud ayat dalam surah al Aaraf ayat 142 pada perkataan اخْلُفْنِي. Kedua, membawa maksud ‘penguasa atau pemerintah’ di dunia. Yang melantik seseorang itu sebagai khalifah adalah Allah SWT seperti keterangan ayat di atas. Bagaimanapun berbeza dengan perantikan khalifah selepas Rasulullah.

Firman Allah dalam surah an Nur ayat 55,

لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ

Bermaksud: Akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa

Pada zaman pemerintahan selepas Rasulullah s.a.w, lahir jawatan khalifah dan kewujudannya diterima secara ‘ijmak sahabat’. Jawatan tersebut pada hari ini memberi erti ketua negara. Terdapat beberapa pendapat tentang penggunaan perkataan khalifah. Ada pendapat mengatakan tujuan pemerintahan khalifah adalah melaksanakan syariat Islam dan menjaga agama dan ummah serta memastikan masalah umum².

Dalam hubungan ini Saiyidina Umar al Khatab lebih selesa menggunakan gelaran ‘Amirul Mukminin’. Pada zaman pemerintahan Umayyah dan Abasiyyah ketua negara digelar ‘khalifah’ dan panggilan juga ‘al Imamah’ atau Imam³.

Adalah suatu yang menarik sekali, tetapi tidak didedahkan kepada umum, bahawa Raja Melayu pada suatu ketika diberi gelaran khalifah. Ini disebutkan dalam Hikayat Misa Melayu. Di antara gelaran yang dipakai adalah Paduka Seri Sultan, ‘Ala al-Din’, Mansur al Shah Iskandar khalifah al Rahim⁴. Sultan negeri Perak ketika itu dipanggil juga dengan gelaran Duli Yang Dipertua Sultan dan tetaplah Baginda Yang Maha Mulia di atas takhta kerajaan khalifah negeri Perak Dar-al-Ridhuan melakukan keadilan dengan kemurahan aman kesenangan seisi negeri⁵.

Setelah itu apabila tertubuhnya kerajaan khalifah Uthmaniyyah⁶ bermula pula penggunaan perkataan ‘sultan’ bagi ketua negara. Perkataan sultan ini telah tersebar luas di dunia Islam sebagai gelaran kepada ketua pemerintah termasuklah di Indonesia (terutama di Sumatera) dan hari ini Gabenor Jogjakarta masih menggunakan gelaran sultan. Secara meluas gelaran Sultan atau Raja digunakan di

² Muhammad Dhiya’ al-Din, al Islam Wa al Khalifah Fi al Asri al Hadith, Dar al Thurath, Kaherah (t.t), h. 240

³ Al Mawardi, al Ahkam al Sultaniyyah, IPTI (t.t), h. 4

⁴ Raja Chulan, Hikayat Misa Melayu, Reka Cetak, Shah Alam, 2015, h. xxii-xxiv

⁵ Ibid, h. 184.185

⁶ Dengan berakhirnya pemerintahan Uthmaniyyah di Turki, maka tamatlah pemerintahan Khalifah, Ibid. h 342

negeri-negeri Tanah Melayu. Begitu juga negeri Melaka yang pada suatu ketika diperintah oleh keturunan Raja-Raja Melayu yang menggunakan gelaran sultan.

Gelaran ‘raja’, ‘amir’, ‘malik’ dan ‘king’ digunakan bukan sahaja di Alam Melayu bahkan lebih meluas di Eropah, negara Teluk, di Asia Tenggara bahkan di negara matahari terbit-Jepun. Bagi kita orang Melayu, Raja bukan setakat simbol tetapi payung kepada bangsa. Sistem berkerajaan dan bernegara berpayungkan Raja yang mempunyai sejarah dan tradisi tersendiri⁷. Ada pendapat menyatakan sistem beraja dalam pemerintahan Islam bermula apabila jawatan ketua pemerintah itu diwarisi. Yazid adalah raja pertama dalam sejarah Islam kerana sistem penentuan ketua negara berubah dari sistem syura kepada sistem *wirasah*. Yang penting pemerintah itu hendaklah berlaku adil dan melakukan untuk kepentingan rakyat⁸.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas bagi menubuhkan sesebuah kerajaan perlulah memenuhi beberapa kriteria, di antaranya kerajaan itu mempunyai ketua negara, rakyat, kawasan (negeri) dan kedaulatan. Unsur-unsur tersebut akan dapat dilihat pada bentuk pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu.

Raja dan Pemerintahan

Undang-undang Melaka⁹ bukan sahaja mengandungi peraturan-peraturan dan hukum-hukum syarak akan tetapi menjelaskan juga struktur pemerintahan kerajaan Melayu ketika itu yang diperintah oleh sultan.

Pada masa dahulu orang Melayu akan memperkenalkan diri sebagai ‘rakyat’ kepada individual Raja yang memerintah dalam mana-mana kerajaan di alam Melayu. Jika melayu ibarat seponoh pokok, rakyat adalah akar-akarnya dan pohon-pohon yang rendang itu raja. Menurut satu pendapat menyatakan;

‘The raja rakyat relationship in critical one what might be called the kerajaan ideology. Just as the ruler needs subject so do subject need a ruler’¹⁰

Dalam titah DiRaja KDYMM Pemangku Raja Pahang¹¹ melafazkan;

‘Raja-raja Melayu dengan orang-orang Melayu tidak boleh dipisahkan, ibarat aur dengan tebing, seperti isi dengan kuku, bagai dakwat dengan kertas’

⁷ Titah DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan pada Konvensyen Memperkasakan Pasak Negara di Hotel Marriot, Putrajaya pada 5 Ogos 2017.

⁸ Muhammad Dhia al-Din, op cit, h. 325-326

⁹Anthony Milner , Salinan undang-undang Melaka didapati di Riau, Pahang, Pontianak dan Brunei, Kerajaan SIRD, Selangor,2010, h. 10

¹⁰ Abdul Monir Yaacob, Raja Berdaulat Penyatu Umat, Kertas Prosiding Seminar Ulama Pahang, MUIP, Kuantan,2016, h. 18

¹¹ Titah DiRaja sempena Majlis Perasmian Multaqa Ilmuwan dan Profesional Pahang 2017 di Hotel Grand Darul Makmur pada 19 Ogos 2017.

Seterusnya baginda bertitah;

'Raja dan rakyat berpisah tiada, ialah perumpamaan yang dapat saya nyatakan yang menjadi kata-kata azimat. Hubungan yang terjalin ini menggambarkan raja dan rakyat saling melengkapi antara satu sama lain. Bersemayam raja di atas singgahsana sebagai memayungi rakyat serta negerinya agar sentiasa terpelihara dalam keharmonian, keamanan dan kesejahteraan'.

Kesetiaan adalah rukun kepada kedaulatan raja. Tuntutan kepatuhan dan kesetiaan kepada ketua pemerintah disandarkan kepada firman Allah dalam surah An Nisa' ayat 59,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Taat kepada *ulil amri* adalah sabit mengikut nas al Quran, Sunnah dan ijmak. Menurut sebuah hadis daripada Ubadah bin al Samit menyatakan bahawa kami *berbai'h* dengan Rasulullah SAW untuk dengar dan taat dalam perkara yang kita suka dan perkara yang kita tidak suka. Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn Umar ra, Rasulullah SAW bersabda bermaksud¹²;

'Hendaklah kamu dengar dan taat kepada orang Muslim (yang menjadi ketua kamu) dalam perkara yang kamu suka dan tidak suka selama mana ia tidak menyuruh (kamu) melakukan maksiat, maka bila ia menyuruh kamu melakukan maksiat maka kamu hendaklah tidak mendengar dan tidak taat kepadanya'.

Menurut al-Mawardi apabila pemerintah menunaikan hak rakyat (umat) maka menjadi tanggungjawab rakyat memberi ketaatan dan pertolongan kepada pemerintah. Orang ramai mestilah menyerahkan segala urusan awam kepadanya, tanpa membelakngkannya serta menentanginya. Ini untuk membolehkannya menjalankan segala urusan serta kepentingan yang diserahkan kepadanya. Ia dikenali sebagai khalifah, menggantikan Rasulullah s.a.w di kalangan umatnya¹³. Hak pemerintah (raja atau khalifah) ke atas rakyatnya ialah hak mendengar, patuh, dan taat. Tetapi hak-hak tersebut bukanlah hak yang mutlak bahkan hak-hak ini bersyarat iaitu ketaatan dan kepatuhan kepada pemerintah adalah ketaatan dalam lingkungan apa yang diturunkan oleh Allah SWT dan tidak bercanggah dengan kehendak al Quran, hadis serta ajaran Islam dan dalam perkara-perkara kebajikan serta kebaikan¹⁴. Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah An Nisa' ayat 58,

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).

¹² Sahih Bukhari, no. 6724

¹³ Al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyah, al Halabi, Mesir, 1993, h.22-26

¹⁴ Noh Gadot, 'Ulil Amri: Takrif dan Konsep' dalam Konsep Dan Peranan Ulil Amri Di Malaysia, IKIM, 2004, h.6

Saiyidina Abu Bakar setelah dipilih sebagai Khalifah dengan persetujuan umum memberi ucapan, di antara kandungan ucapannya adalah:

'Taatlah pada aku selagi aku mentaati Allah dan rasulNya. Jika aku ingkar maka tidak ada kewajiban ketaatan pada aku'¹⁵.

Tugas atas khalifah adalah meneruskan kepemimpinan negara sebagai *wali al amri* menggantikan Rasulullah SAW dengan memelihara serta menegakkan syiar Islam dan menjaga masalah ummah. Mentadbir urusan agama dan dunia. Ada pendapat mengatakan tugas khalifah terbatas kepada urusan keagamaan sahaja. Kerana kebanyakan para nabi menyampaikan dakwah seperti nabi Musa dan nabi Isa. Sebenarnya pendapat sedemikian tidak betul kerana baginda Rasulullah membawa dua misi iaitu tugas keagamaan dan keduniaan sebagai ketua negara. Islam tidak memisahkan antara agama dan negara¹⁶.

Melayu atau Malay adalah sinonim dengan 'Mohamedan'¹⁷. Dalam penulisan orientalis perkataan 'Mohamedan Law' digunakan bagi Perundangan Islam.

Pada ketika itu perayaan dan istiadat adalah mengikut adat Raja Melayu. Dicatatkan dalam penulisan ahli sejarah seperti Tome Pires bahawa Raja-Raja dalam abad ke 15 (Melaka, Pahang, Kedah, Kampar dan Indragiri) menjalankan perniagaan. Dan keadaan lebih meluas dalam abad ke 18 dan 19 merekodkan bahawa Raja-Raja di alam Melayu menjalankan perniagaan. Bahkan mereka mendapat pendapatan daripada cukai dan bayaran cukai pelabuhan¹⁸.

Hugh Low menjelaskan;

'The (Malay) kings and princes have been found in all periods of their history to be the greatest merchants in their states'¹⁹.

Dalam penulisan lain menyatakan;

'The concern of Malay rulers, was not with commerce but with wealth'²⁰,

Raja adalah pelindung dan payung rakyat. Raja memastikan bahawa rakyat baginda dapat mencari makan dan berada dalam suasana gembira serta tahu penderitaan rakyat. Raja yang baik tidak akan mengenakan denda yang berat ke atas rakyat²¹

¹⁵ Muhammad Dhia al-Din, op cit, h. 303

¹⁶ Ibid, h. 305-306

¹⁷ Melayu adalah orang daripada Pahang, Johor hingga Pattani, Kelantan, Terengganu, Brunei, Borneo dan sebahagian daripada Filipina- ibid, h. 17

¹⁸ Anthony Milner, op.cit, h. 29

¹⁹ Ibid, h. 30

²⁰ Ibid, h. 35

²¹ Ibid, h.41

Raja yang hebat adalah Raja yang mempunyai ramai pengikut yang setia. Seorang Raja itu dianggap kaya dan dihormati bergantung kepada bilangan pengikutnya. Sultan Perak dalam tahun 1816 mengadu bahawa lapan puluh peratus rakyatnya telah meninggalkannya dan pergi tinggal di bawah Raja lain. Begitu juga dengan negeri Kedah menerima ramai orang Patani yang menyelamatkan diri dari kuasa Siam dan menetap di Kedah. Mereka datang dengan menyerah diri kepada Raja²². Walau bagaimanapun Raja mempunyai sifat cemburu terhadap rakyatnya termasuk terhadap pembesar negeri. Pada ketika itu kekayaan seseorang boleh menarik ramai pengikut dan kekayaan seorang boleh mendatangkan cabaran kepada pihak istana²³.

Sebagai contoh mengikut satu laporan;

‘The sultan of Deli was threatened by a man trying to acquire power by means of wealth’²⁴

Seorang bernama Lebai Saris datang dari Pattani dan menetap di Kemaman dan mempunyai pengaruh kekayaan dan mempunyai sawah padi yang diusahakan oleh orang tempatan yang setia kepadanya. Pada ketika itu tanah adalah luas dan mudah diterokai. Dia tidak mengindahkan arahan dari sultan Terengganu. Dengan kekayaan boleh memperolehi penyokong²⁵. Oleh kerana itu Raja pada masa itu mempunyai kuasa mutlak, baginda mentadbirkan negeri atas titahnya. Atas sebab yang sama di abad ke 15 Sultan Melaka menitahkan bendahara Tun Mutahir diperintah hukum bunuh dan hartanya dibawa ke istana²⁶.

Sejarah Kesultanan Melayu selepas kejatuhan pemerintah kesultanan Raja Melaka, setelah dikalahkan oleh Portugis mengakibatkan terbentuk pemerintahan keturunan sultan Melaka di beberapa negeri termasuk Johor dan Pahang. Bagaimanapun pemerintahan keturunan sultan Melaka tidak berkekalan. Berikutan dengan itu telah tertubuh pemerintahan tempatan seperti Pahang dari keturunan Bendahara yang kemudiannya menggunakan gelaran ‘sultan’. Kemudiannya menjadikan Pahang negeri yang berdaulat.

Terdapat beberapa sifat mulia yang ada pada raja pada masa dahulu yang membawa kepada kemajuan iaitu sifat adil dan pemurah. Percakapannya pula elok, manis dan lemah lembut kata-katanya. Pandai mengambil hati, budi pekerti yang halus, mempunyai sifat kasih sayang, muka manis. Sifat-sifat tersebut membuat rakyat kasih dan sayang kepada Raja mereka dan memberikan ketaatan yang tidak berbelah bagi. Begitu juga memberi penghargaan dengan menganugerahkan gelaran kepada pembesar dan rakyat serta persalinan mengikut taraf kedudukan. Sebaliknya jika Raja berlaku zalim dan sombong rakyat akan menjauhkan diri dan membencinya²⁷.

²² Anthony Milner, *the Malays*, Wiley-Blackwell, UK, 2011, h. 55

²³ Anthony Milner, *Kerajaan*, op cit, h. 47

²⁴ *Ibid*, h. 48

²⁵ *Ibid*, h. 45

²⁶ *Ibid*, h. 47

²⁷ *Ibid*, h. 66-67

Tingkah laku raja diperhatikan oleh rakyat dan dalam menghadapi sesuatu masalah baginda meminta pendapat pembesar-pembesar samaada patut atau tidak melakukan sesuatu tindakan.

Raja adalah puncak kuasa dan simbol perpaduan. Raja memerintah (to rule) dengan penuh kebesaran dan daulat. Adalah menjadi tugas Raja menetapkan adat dalam negerinya. Pentadbiran negeri diagihkan kepada ketua-ketua. Dalam teks Undang-undang Melayu Lama terdapat jawatan seperti Bendahara, Temenggung, Penghulu, Shahbandar, Laksamana dan Kadi²⁸.

Gelaran Yang Maha Mulia telah dipakai dalam pemerintahan kesultanan Melayu di Tanah Melayu. Raja memerintah negeri, tidak sunyi dari cabaran dan tentangan, termasuk peranan yang dimainkan oleh kuasa barat, iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris. Bagaimanapun adalah menjadi adat kepada orang Melayu 'tidak derhaka kepada Raja'²⁹. Adalah menarik sekali di mana Raja-Raja Melayu pada masa itu mempunyai hubungan erat dengan beberapa Raja-Raja yang memerintah di beberapa negeri di Sumatera³⁰ seperti Riau hingga Aceh dan Deli. Apa yang lebih penting bagi Raja sesebuah negeri adalah kesetiaan rakyat dan bakti mereka kepada Raja dan sentiasa menjunjung titah.

Dalam Sejarah Melayu, Bendahara Melaka ada berpesan kepada anak-anaknya supaya berbakti kepada Allah dan kepada raja kerana '*the just raja and the prophet of God are like two jewels in same wing, more over the raja in the deputy (ganti) of God*'³¹ dan dalam Risalah Hoekoem Kanoen menyatakan; 'khalifah al mukminin dzilullah fi al-alam'.³² Dalam pemerintahan di Delhi, India ada menyatakan 'he who obeys Sultan, obeys God'³³.

Raja Ali Haji dalam Tuhfat al-Nafis menyatakan bahawa fungsi utama penyandang gelaran Raja adalah untuk menjunjung hukum Allah SWT di muka bumi, bahawa krisis akan terjadi jika perintah Allah diingkari dan apabila Raja memerintah dengan nafsu³⁴.

Firman Allah dalam surah Saad ayat 26,

وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

Bermaksud: dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah.

²⁸ Van Ronkel, Risalah Hoekoem Kanoen, h.1

²⁹ Anthony Milner, op cit, h. 109

³⁰ Raja di Pantai Timur Sumatera menggunakan gelaran Tengku

³¹ Anthony Milner, op cit, h. 164

³² Van Ronkel, op.cit, h. 3

³³ Anthony Milner, op cit, h. 65

³⁴ Titah DYMM Sultan Perak, op.cit, h. 11-12

Kemasukan Inggeris

Apabila Sir Andrew Clarke mengambil alih teraju pentadbiran Negeri-Negeri Selat sebagai Gabenor daripada Sir Harry Ord pada 4 November 1873 beliau telah mengambil langkah untuk campurtangan dalam urusan negeri-negeri Melayu. Beberapa perjumpaan antara wakil Sir Andrew Clarke dengan pembesar-pembesar Melayu telah diadakan. Ini didorong oleh keadaan yang tidak stabil di beberapa buah negeri Melayu seperti di Perak, Selangor dan di Sungai Ujong, Negeri Sembilan³⁵. Pertikaian antara pembesar dengan raja dan perselisihan di kalangan Raja sendiri membuat Sultan berpendapat bahawa hanya satu perikatan dengan pihak Inggeris sahaja dapat memperkukuhkan kerajaan baginda³⁶. Ini telah mendorong pihak Inggeris untuk campurtangan di negeri-negeri Melayu bermula dengan negeri Perak apabila Sir Andrew Clarke menandatangani Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874³⁷.

Di antara kandungan perjanjian tersebut iaitu mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak, seorang Residen Inggeris ditempatkan di Perak sebagai Penasihat dalam semua perkara kecuali adat istiadat dan agama Islam. Perjanjian yang serupa dibuat dengan negeri-negeri Melayu yang lain pada tarikh-tarikh yang berlainan³⁸.

Negeri-negeri Melayu adalah sebahagian daripada semenanjung Tanah Melayu (Malay Peninsula). Perkataan 'malaya' digunakan oleh Winstedt pada tahun 1923 bagi menjelaskan kedudukan semenanjung sebagai 'british possession and protection'. Frank Swettenham pada tahun 1907 dalam penulisannya menggunakan perkataan 'British Malaya'. Dr. Dennys menggunakannya dalam *dictionary* pada tahun 1894. Malaya termasuk³⁹;

- i. Negara-negara selat
- ii. Negara-negara Melayu Bersekutu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
- iii. Negeri Johor dan;
- iv. Negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis.

Perlu diingatkan bahawa negeri-negeri Melayu, samaada negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Tidak Bersekutu raja-raja mempunyai kedudukan yang diiktiraf oleh undang-undang. Beberapa keputusan mahkamah menjurus kearah itu. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan berlakunya

³⁵ Abdullah Zakaria Ghazali, 'Campur Tangan British Dan Perubahan Struktur Pemerintahan Melayu Sebelum Merdeka', dalam Konsep Dan Peranan Ulil Amri, IKIM, 2004, h. 40

³⁶ Muhammad Kamil Awang, Sultan Dan Perlembagaan, DBP, 2001, h. 20-21

³⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, op cit, h. 41

³⁸ M.B Hooker, Islamic Law in South East Asia, OUP, Singapore (1984), h. 135

- Ada pendapat mengatakan 'penjajahan' berlaku kerana dorongan 'God, Gold and Glory' iaitu agama, ekonomi dan politik.

³⁹ Braddell, The Legal Status of The Malay States, Singapore, 1931, h. 5-6

‘perjanjian-perjanjian’ di antara Raja-Raja Melayu dengan pihak berkuasa Inggeris. Setiap negeri-negeri Melayu mempunyai kebebasan dalam negeri dan kedaulatan.

Mengikut Weatley’s International Law, 1929;

*‘The sultans of the Malay States such as Johor and still more of the Federated Malay States are in form independent rulers in matters internal, but in reality their government are essentially under British guidance and control’*⁴⁰.

Dalam era pentadbiran Inggeris, negeri-negeri Melayu diletakkan di bawah ‘naungan’⁴¹ British dan bukan sebagai koloni Inggeris⁴². Raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa, walaupun *de facto* Inggerislah menjalankan pentadbirannya. Ini adalah berkaitan dengan persetujuan Raja-raja Melayu menerima ‘British Residents’ iaitu negeri Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874⁴³ yang mengandungi enam perkara. Di antara kandungan perjanjian ini iaitu sultan hendaklah menerima seorang pegawai Inggeris yang dipanggil ‘Resident’ dimana nasihatnya hendaklah diminta dan diterima dalam semua perkara kecuali mengenai adat dan agama Islam. Ini adalah kesan daripada perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh negeri-negeri Melayu dengan pihak Inggeris.

Secara teorinya negeri-negeri Melayu adalah ‘sovereign states’ kerana bukan sebagai ‘British Colonies’. Yang jelas kedatangan Inggeris ke negeri-negeri Melayu membawa susunan pentadbiran baru yang sekadar *administrative arrangement* dan bukannya membawa sekularisme Barat sebagai falsafah negara dan status negeri-negeri Melayu tidak pula menjadi negara sekular dalam erti Barat⁴⁴.

Menurut Tun Mohd Salleh Abas, semasa zaman penjajahan British, Sultan-sultan diterima sebagai pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di dalam negeri masing-masing walaupun mereka dikehendaki dalam beberapa perjanjian dengan Great Britain untuk menerima nasihat daripada pegawai-pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat. Keadaan demikian berlanjutan sehinggalah menjelang hari kemerdekaan⁴⁵.

Raja adalah sebagai faktor utama tegaknya Islam di Tanah Melayu. Pada asalnya Raja adalah punca pentadbiran dan kuasa perundangan. Titah baginda adalah menjadi peraturan dan undang-undang. Kedaulatan Raja-raja Melayu di zaman itu terjamin dan terpelihara dalam perjanjian-perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan Inggeris. Raja itu berdaulat dalam negerinya. Sungguhpun Raja-raja Melayu

⁴⁰ Braddell, op cit, h. 7

⁴¹ Protected states do not form an integrated portion of the territory of Great British. The Malay States retains as of right all power of internal sovereignty which have not been expressly surrender by treaty, Braddlle, op cit, h. 7

⁴² Koloni bermaksud tanah jajahan, Kamus Dewan, DBP, 2002, h. 693

⁴³ M.B Hooker, A Concise Legal History of South East Asia, Oxford, 1978, h. 138

⁴⁴ Muhammad Uthman el-Muhammady, ‘Kepimpinan Islam’ dalam Fiqh Mentaati Pemimpin, Generasi Bestari, Shah Alam, 2013, h. 262

⁴⁵ Mohd Salleh Abas, Unsur-Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia, DBP, 1985, h. 1

adalah bebas bagaimanapun terletak di bawah penguasaan dan panduan dan nasihat dari pihak Inggeris⁴⁶.

Kedudukan sultan adalah jelas seperti yang diputuskan oleh mahkamah dalam kes Mighell Iwn Sultan Johor (1894) Q.B. 147. Begitu juga seperti yang diputuskan dalam kes Duff Development Company Iwn Kelantan Government (1924) A.C 797, bahawa;

'Kelantan was an independent state and the sultan was the sovereign ruler in the state.'

Kedudukan Raja diperkukuhkan lagi dalam kes Pahang Consolidated Company Ltd. Iwn State of Pahang (1933) M.L.J 237 menyatakan;

'The sovereign powers of the ruler were held to be untouched within the confines of the state'

Sultan mempunyai kuasa melantik Pesuruhjaya Kehakiman seperti yang diperuntukkan dalam 'Judicial Commissioners Regulations and Orders in Council' yang berkuatkuasa pada tahun 1896.

Di atas nasihat daripada Residen maka ditubuhkan 'State Council' di setiap negeri. Bagaimanapun Majlis ini tidak mempunyai perlembagaan dan tidak diberi kuasa dan hanya bersifat badan 'advisory'. Majlis ini dipengerusikan oleh Raja dan baginda mempunyai kuasa melantik ahli-ahli bagi Majlis atas nasihat Residen. Dengan demikian kuasa pentadbiran dan perundangan dilaksanakan oleh 'Ruler in Council'. Undang-undang yang dikeluarkan pula mendapat 'perkenan' Raja termasuk dalam perlantikan kadi dan urusan agama seperti zakat dan fitrah serta pentadbiran masjid. Apabila ditubuhkan negeri-negeri Melayu Bersekutu maka pentadbiran adalah di bawah 'Rulers in Council'.

Apabila hendak menubuhkan Mahkamah Rayuan Tertinggi bagi negeri-negeri Melayu pihak kerajaan British tidak mempunyai kuasa perundangan. Justeru penubuhan Privy Council sebagai mahkamah rayuan terakhir perlu kepada 'perkenan' Raja-raja Melayu.

*'This last body, therefore derives its jurisdiction from the king who has that jurisdiction conferred upon him by the rulers'*⁴⁷

Dapat disimpulkan bahawa;

*'The sultan who is to rule, the resident to advise, not that it is the resident who is to rule and the sultan who is to fiat that rule'*⁴⁸

Dalam konteks ini Raja bertindak atas nasihat British Resident dalam semua perkara kecuali dalam perkara agama orang Melayu dan adat. Dalam sesebuah negeri Melayu sultan adalah Raja pemerintah yang mutlak, padanya terletak semua kuasa keadilan termasuk kuasa kehakiman, pentadbiran dan

⁴⁶ Braddell, op cit, h. 7

⁴⁷ Ibid, h. 8

⁴⁸ Ibid, h. 11

perundangan. Titah perintah baginda didapati dalam ‘titah’. Titah itu menggambarkan ‘absolute power’ seorang Raja⁴⁹.

Kerajaan British telah merancang untuk menubuhkan persekutuan di kalangan negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Berikutan dengan itu ditandatangani Perjanjian Persekutuan. Di antara kandungan perjanjian tersebut iaitu raja-raja negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang bersetuju menerima naungan British dan seorang Residen Jeneral untuk menguruskan pentadbiran Persekutuan⁵⁰.

Pembentukan Persekutuan Negeri-negeri Melayu pada mulanya adalah untuk memperkukuhkan status raja-raja Melayu. Dengan demikian kedudukan mereka akan lebih kuat dan lebih penting. Pendapat mereka akan lebih mendapat perhatian apabila berlaku perbezaan pendapat dengan pihak berkuasa tertinggi, Pesuruhjaya atau setiausaha bagi England.

Bagaimanapun kesudahannya kuasa yang ada pada ‘State Councils’ iaitu Rulers in Council, beransur-ansur berpindah ke tangan Resident General dan kuasa yang ada pada State Councils berkurangan.

Raja-raja Melayu ‘binding themselves’ menerima nasihat Resident General yang menjadi wakil Govenor di Singapura. Dialah yang merupakan *apex* dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu⁵¹.

Dalam penulisan Abdullah Zakaria Ghazali⁵² menjelaskan bagaimana peranan British di Negeri-Negeri Melayu yang telah menerima Residen Inggeris telah mempengaruhi pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sehingga Raja-Raja memberi kepercayaan dalam menyelesaikan soal takhta. Siapa yang layak menjadi raja dan pemilihan raja. Seperti yang berlaku di negeri Perak dan Selangor.

Nampaknya perkara dan urusan yang British tidak campur tangan adalah mengenai hal ehwal agama Islam dan adat. Bagi mentadbir perkara hal ehwal agama maka ditubuhkan jabatan hal ehwal agama. Ketua jabatan ini bergelar Sheikhul Islam.

Majlis Raja-raja atau DURBAR mula ditubuhkan apabila negeri-negeri Melayu membentuk satu persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. DURBAR adalah forum bagi raja-raja melayu membincangkan perkara-perkara menyentuh urusan negeri dan rakyat. Pada asasnya mesyuarat DURBAR memperlihatkan tanggungjawab bersama Raja-raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu. Apabila ditubuhkan Majlis Persekutuan pada tahun 1909, pada mulanya pentadbiran negeri-negeri masih terletak atas kuasa Raja-raja yang dibantu oleh British Resident. Dengan perjanjian Persekutuan, Raja-raja Melayu masih terus menerima kewajipan untuk mengikut nasihat Resident General dalam semua perkara pentadbiran, kecuali mengenai agama Islam dan adat. Residen pula menjadi jurucakap Resident General yang berada di bawah kawalan High Commissioner, kemudiannya Resident General sebagai ‘Ketua Setiausaha’ dan berikutan

⁴⁹ Ibid, h. 12

⁵⁰ Abdullah Zakaria Ghazali, op.cit, h. 51

⁵¹ Braddlle, h. 15

⁵² Abdullah Zakaria Ghazali, op.cit, h. 47-49

dengan itu ditubuhkan 'Federal Council' dengan persetujuan raja-raja jua. Kesannya dari segi de facto, Inggerislah yang mentadbir negeri-negeri Melayu⁵³.

Setelah ditubuhkan 'Federal Council' kuasa sultan semakin dikurangkan. Majlis Persekutuan tidak dipengerusikan oleh Raja akan tetapi oleh High Commissioner. Begitu juga dengan ahli-ahli Majlis ini dipilih oleh High Commissioner. Dari segi tertib keahlian Majlis dimulakan dengan High Commissioner, kemudian Resident General, setelah itu barulah Raja-raja Melayu bagi empat negeri dan empat ahli tidak rasmi yang dinamakan oleh High Commissioner⁵⁴. Perubahan ini telah mengurangi status Raja-raja Melayu berbanding sebelumnya. Di mana Raja mempunyai kuasa ke atas perlantikan ahli-ahli Majlis Negeri dan Raja sebagai pemerintah yang mentadbir negeri.

Walaupun pada permulaannya adalah bertujuan sebagai 'advisory body' seperti juga status State Councils kepada raja-raja. Adalah menjadi tujuan perjanjian memberi kepada Raja-raja dan Ketua (chiefs) dalam Majlis kuasa melulus semua undang-undang yang hendak dikuatkuasa ke atas lebih dari satu negeri. Sebenarnya dengan penubuhan Federal Council ini telah mengurangkan kuasa State Councils⁵⁵.

Pihak mana yang sebenarnya mempunyai kuasa mentadbir menjadi isu apabila berlaku pertukaran High Commissioner. Apabila Sir Lawrence bersara pada tahun 1927 dan diganti oleh Sir Hugh Clifford menyatakan;

*'The matters should be brought back to their right position and that the Malay Rulers should once more begin to rule and the British return to their true position of advisors'*⁵⁶

Keadaan ini lebih mengelirukan kerana Raja-raja Melayu tidak lagi menjadi ahli Majlis Persekutuan dan hanya memberi perkenan kepada undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan. Keadaan ini berlaku apabila perjanjian 1909 disemak pada tahun 1927⁵⁷ Kuasa yang tinggal pada State Councils adalah terbatas kepada perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam, masjid, ketua dan penghulu dan apa-apa yang difikirkan oleh High Commissioner yang menyentuh hak dan prerogative mana-mana Raja⁵⁸.

Keadaan ini meletakkan kedudukan kuasa Raja adalah dibataskan dan tertakluk kepada budibicara High Commissioner. Sebenarnya tiada peruntukan yang menjelaskan perkara-perkara yang menjadi 'federal matters'.

⁵³ Ibid, h. 15

⁵⁴ Klaus 2 Perjanjian

⁵⁵ Ibid, h. 16

⁵⁶ Ibid, h. 19

⁵⁷ Agreement for the re-constitution of the Federal Council, 1927, cf. Titah DYMM Sultan Perak 'keempat-empat raja melayu kemudiannya menarik diri daripada menjadi anggota pada 2 April 1927', op.cit, h.2

⁵⁸ Klaus 7 Perjanjian, 1909

Mahkamah dalam kes Awee binti Ujang lwn Ibrahim bin Jamal (1916) I.FMSLR 274 memutuskan bahawa sultan adalah ketua negara dan baginda mempunyai kuasa memberi kepada kadi dan penolong kadi kuasa dalam semua perkara ugama Islam mengenai perkahwinan dan penceraian.

Keadaan berbeza bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Johor adalah sebuah negeri yang merdeka diperintah oleh Raja. Sejak tahun 1818 Johor mengadakan perhubungan dengan Great Britain. Negeri Johor telah mempunyai perlembagaannya sendiri dan kedudukan raja diiktiraf oleh Perlembagaan.

Negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu berada di bawah perlindungan Inggeris pada tahun 1909 dan Johor pada tahun 1914. Perjanjian diasaskan kepada Perjanjian Pangkor 1874 dengan Raja menerima penasihat Inggeris. Perjanjian antara Great Britain dengan Johor pada tahun 1885 mengiktiraf kemerdekaan negeri Johor. Johor mengadakan pertahanan bersama terhadap tanah jajahannya daripada serangan luar. Meletakkan polisi luar negeri kepada kerajaan British akan tetapi tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri.

Status penasihat Inggeris adalah Penasihat kepada sultan bukan penasihat kepada negeri kerana perlantikan dibuat oleh sultan. Bahkan kedudukannya tidak diperuntukkan dalam perlembagaan negeri Johor 1895⁵⁹. Sultan telah membuat syarat apabila berlaku perbezaan pendapat antara Penasihat dengan pendapat baginda, pendapat State Council akan diterima dan disampaikan kepada High Commissioner beserta dengan pendapat Penasihat. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah sebagai bahasa rasmi mahkamah dan di jabatan-jabatan kerajaan baginda.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim mempunyai kuasa sepenuhnya dalam pentadbiran negeri. Baginda mengadakan statut yang menjelaskan struktur pemerintahan. Baginda meletakkan Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka dan Raja yang memerintah dikenali dengan gelaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang berdaulat. Kerajaan negeri Johor adalah 'constitutional monarchy' dan sultan adalah ketua kerajaan yang dibantu oleh Majlis Menteri-Menteri, Majlis Kerajaan Negeri dan Majlis Kerja (Exco).

Kedudukan negeri-negeri Kedah, Kelantan, Perlis⁶⁰ dan Terengganu berbeza dengan negeri Johor. Negeri-negeri ini berada di bawah kuasa kerajaan Siam. Hanya dengan perjanjian 1909 keempat-empat negeri tersebut menjadi 'dependencies of Great Britain'⁶¹. Terengganu pula dikenali dengan 'Malao Muhamadan state'⁶².

Sama seperti Raja di negeri-negeri Melayu Bersekutu, raja di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menerima Penasihat Inggeris. Kedudukan Raja adalah mentadbir negeri dibantu oleh State Council. Secara umumnya kedudukan Raja di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah lebih berkuasa dalam mencorakkan pentadbiran negeri mereka, berbeza dengan di negeri-negeri Melayu Bersekutu dimana pihak Inggeris bukan setakat memberi nasihat bahkan 'actually administer and controls'.

⁵⁹ Ibid, h. 24

⁶⁰ Pada asalnya Kedah dan Perlis adalah satu kemudian dipisahkan oleh kerajaan Siam dalam tahun 1811 dan ditadbir oleh seorang sultan.

⁶¹ Ibid, h. 27

⁶² Ibid, h. 28

Kuasa yang diperoleh oleh Inggeris adalah melalui perjanjian-perjanjian yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. Pegawai Inggeris di negeri-negeri Melayu Bersekutu dipanggil 'Residen' dan di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dipanggil 'Advisers'. Dari segi tanggungjawab tidak ada perbezaan yang nyata.

Dalam Perjanjian Pangkor 1874, di antara kandungannya adalah;

- i. Sultan menyediakan tempat penginapan yang sesuai bagi Residen dimana nasihat daripadanya hendaklah dipinta dan bertindak mengikut nasihat tersebut, kecuali mengenai agama dan adat.

Asas yang sama diikuti dalam perjanjian-perjanjian dengan negeri-negeri Melayu Bersekutu yang lain.

Kedah, 1923;

'The sultan of Kedah and the successors will receive and provide a suitable residence for a British advisor to advise in all matters connected with the government of the state other than matters relating to Malay customs and Muhamaden religion and will accept such advice.'

Dalam Perjanjian Persekutuan, 1895 menyatakan;

'The above name rulers agree to accept British Officer, to be styled Resident General, as the agent and representative of the Britain Government under the Govern of Straits Settlements. They undertake to provide with suitable accommodation, with such salary as in determined by Her Majesty's Government and to follow his advice in all matters of administration other than touching the Muhammader and religion'.

Di antara negeri-negeri Melayu tersebut, negeri Johor sahaja pada masa itu yang mempunyai perlembagaan yang meletakkan sultan sebagai 'supreme executive aunthority' dan 'supreme legislative authority'⁶³.

Ditubuhkan 'Council of Sultans' di mana Governer sebagai presiden dan Raja-raja Melayu, Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan sebagai anggota.

Tugas Majlis Raja-raja ini adalah;

- i. *to consider legislation, relating solely to matters of Muhamaden and religion, which The Malay Advisory Council in any state has approved for enactment*
- ii. *to advise the Governer on any matter which he may refer to the Council for discussion, or any matter which with he prior consent, any sultan may propose for discussion.*

Tiada Bill (RUU) boleh dijadikan undang-undang sehingga diluluskan oleh Council of Sultan dengan mana-mana Bill yang telah diluluskan oleh Malay Advisory Council dari mana-mana negeri untuk dijadikan undang-undang perlu perkenan sultan. Setelah itu dikemukakan kepada Majlis Sultan-sultan

⁶³ Ibid, h. 33

dan seterusnya perlu mendapat persetujuan dengan perakuan peguam negara yang undang-undang itu hanyalah perkara-perkara tentang agama Islam.

Majlis Penasihat Melayu dianggotai oleh Sultan sebagai pengerusi dan orang Melayu beragama Islam yang dilantik oleh sultan. Tugas Majlis ini adalah untuk memberi nasihat kepada Raja tentang perkara-perkara agama Islam dalam negeri berkenaan atau perkara yang dirujuk kepada Majlis atas permintaan Resident Commissioner dengan kelulusan Governer.

Jika berlaku percanggahan antara undang-undang yang dibuat oleh Malay Advisory Council dengan undang-undang yang dibuat oleh *legislative council* atau *state council*, undang-undang yang dibuat oleh Majlis yang kemudian terpakai.

Inggeris telah mengenengahkan satu bentuk baru bagi Tanah Melayu iaitu Kesatuan Malaya dan lebih dikenali dengan Malayan Union. Seorang pegawai Inggeris dari London bernama Mac Michael telah dihantar bagi mendapatkan persetujuan dan tandatangan sultan-sultan. Di antara perkara yang dicadangkan dalam konsep Malayan Union ini adalah menyentuh hak sultan-sultan di mana semua kuasa dan hak sultan-sultan ke atas negeri-negeri mereka diserahkan kepada Mahkota Inggeris; dan sultan-sultan hanya menjadi Pengerusi bagi Majlis Penasihat yang hanya mempunyai kuasa ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Rancangan ini telah menimbulkan kemarahan orang Melayu dan sultan-sultan mendakwa mereka dipaksa untuk menandatangani perjanjian tersebut. Akhirnya dengan perpaduan orang Melayu di semua peringkat dan sultan-sultan turut menentang Malayan Union maka pada bulan Februari 1948 Perjanjian Persekutuan telah menggantikan Perjanjian Kesatuan Malaya (MU). Dengan perjanjian baru ini kedudukan sultan-sultan telah dipulihkan. Berikutan dengan itu kerajaan Persekutuan telah dibentuk dan sebuah Majlis Undangan baru ditubuhkan dan di dalamnya terdapat wakil-wakil sultan⁶⁴.

Apabila negara mencapai kemerdekaan, kedudukan raja selalu disebut sebagai Raja berpelembagaan. Bermaksud tidak seperti kedudukan di masa dahulu raja memerintah secara mutlak. Dalam perlembagaan diperjelaskan tatacara perlantikan, tugas, kuasa dan keistimewaan baginda.

Penutup

Islam memberi petunjuk bahawa dalam sesebuah pemerintahan ada 'Malik' atau 'Raja'. Raja itu sebagai ketua pemerintah atau khalifah. Sumber kekuasaan itu hanya daripada Yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Dia berkuasa memberi pemerintahan kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan menurunkannya.

Sejarah awal Kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu bermula dari Melaka. Kedudukan Raja Melaka dan struktur pemerintahannya termaktub dalam Hukum Kanun Melaka dan menyifatkan Raja sebagai 'dzilullah' yang wajib diberi kesetiaan. Kesetiaan dan kasih sayang yang diberikan oleh rakyat kerana Raja itu bersifat adil, penyayang, pemurah, elok budi pekerti, halus tutur katanya, pandai mengambil hati, bermuka manis, peramah dan hatinya dekat dengan rakyat.

Sistem beraja telah menjadi benteng penghalang menyukarkan Inggeris melakukan penjajahan mutlak. Inggeris sekadar berupaya memperkenalkan sistem Residen dan masih mengekalkan kedaulatan Raja-raja Melayu. Inggeris terpaksa mengadakan rundingan dengan raja pemerintah di

⁶⁴ Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah Dan Masa Depan*, Harakah, 2008, h. 22-24

setiap negeri dan akhirnya telah berjaya mengadakan perjanjian-perjanjian dengan Raja-raja Melayu⁶⁵ bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874. Dengan kedatangan Inggeris corak pentadbiran negeri-negeri Melayu mengalami perubahan. Bagaimanapun dalam perkara hal ehwal agama Islam dan adat tetap utuh dan kekal pada kuasa Raja.

Terdapat langkah untuk menghapuskan kuasa-kuasa raja dengan memperkenalkan Perlembagaan Malayan Union. Usaha pihak Inggeris ini telah mendapat tentangan hebat dari orang Melayu dan hasil dari tentangan dan bantahan itu perlembagaan tersebut dimansuhkan dan diperkenalkan pula Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Dengan itu kedudukan Raja-raja Melayu kembali kepada kedudukan asal mereka.

Kesultanan Melayu adalah satu manifestasi-satu lambang keagungan tamadun bangsa di bumi ini. Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, wajib menerima hakikat bahawa sultan beraja adalah sebahagian daripada sistem berkerajaan dan bernegara di bumi ini wajar diteruskan. Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj amat menghayati sistem pemerintahan berteraskan Raja. Tanah Melayu yang merdeka telah memilih untuk memeterai sistem pemerintahan beraja seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Dengan sistem berkerajaan dan beraja yang menggabungkan Institusi raja dengan Institusi rakyat berasaskan konsep raja berpelembagaan dalam negara demokrasi berparlimen⁶⁶.

Raja sejak turun temurun telah melalui pelbagai cabaran dan tekanan, namun masih tetap utuh dan berdaulat bersemayam di atas singgahsana pemerintahan bersama rakyat. Pada Sultan terletak kuasa pemerintah dan punca keadilan. Dalam sejarah tamadun Islam terdapat beberapa gelaran bagi ketua negara.

Raja adalah payung rakyat seluruhnya. Dalam sistem demokrasi berparlimen dan kerajaan yang ditadbir oleh parti yang mendapat kepercayaan majoriti rakyat berdasarkan pilihanraya telah meletakkan Institusi Raja semakin penting dalam menyumbang kearah perpaduan, ketenteraman, keharmonian negara dan menjaga kepentingan orang melayu dan bumiputera sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Lebih-lebih lagi bagi memelihara dan mempertahankan kesucian Islam.

Kesetiaan kepada raja dan negara amatlah penting dan perlu dihayati sepenuhnya dan bukan setakat dilaungkan dibibir dan ulang sebutannya di hari sambutan kemerdekaan tahunan.

Dalam memberi identiti ‘Semenanjung’ hendaklah dihubungkan dengan ‘Tanah Melayu’ seperti juga Malaysia Timur adalah Sabah dan Sarawak.

⁶⁵ Titah DYMM Sultan Perak, op.cit, h. 2

⁶⁶ Ibid, h. 3